



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 68

**31hb Disember 2015**

No. 27

---

---

**No. 1313.**

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] dan diwakilkan kepadanya menurut Warta Kerajaan Negeri Terengganu No. 872 bertarikh 18 Disember 1980, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3) bersetentangan dengan nama mereka masing-masing.

2. Tugas orang yang dilantik untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual A adalah seperti yang berikut:

- (i) menandatangani permohonan ukur (P/U) dan rekuisisi keterangan hakmilik muktamad;
- (ii) menandatangani carian rasmi, salinan hakmilik, salinan surat cara dan salinan sulit cara dan salinan surat pendaftaran;
- (iii) memungut hasil tanah (kutipan luar);

# WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

1272

[31hb Dis. 2015]

- (iv) menandatangani Borang 4A, 4B dan 4C berkenaan Lesen Menduduki Sementara dan Permit Pengalihan Bahan Batuan yang telah diluluskan oleh Pentadbir Tanah;
- (v) menyaksikan suratcara di bawah seksyen 211 Kanun Tanah Negara;
- (vi) mendaftar dokumen hakmilik; dan
- (vii) tugas lain yang diarah oleh Pentadbir Tanah dan Pengarah Negeri.

## JADUAL

### PENOLONG PEGAWAI TANAH

(1) Nama	(2) Jawatan	(3) Tarikh Pelantikan
Muhammad Nor bin Embong	Penolong Pentadbir Tanah Hulu Terengganu	1.10.2015
Ambok bin Sidek	Penolong Pentadbir Tanah Hulu Terengganu	1.10.2015
Zamzuri bin Zainudin	Penolong Pentadbir Tanah Hulu Terengganu	1.10.2015
Bertarikh 6 Disember 2015 [PTG. Tr. 00/02/1998/2E/03; PUN. Tr. 70/1 Jld. 4 (54)]	ZULKIFLI BIN ALI <i>Setiausaha</i> <i>Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu</i>	

In exercise of the powers conferred upon the State Authority under paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [Act 56/1965] and delegated to him vide Terengganu Government Gazette No. 872 dated 18 December 1980, the State Secretary of Terengganu has appointed the persons named in column (1) of Schedule to hold the post as specified in column (2) of the Schedules with effect from the dates mentioned in column (3) against their names respectively.

2. The duty of the person appointed to hold the post specified in column (2) of Schedule shall be as follow:

- (i) to sign application for survey (P/U) and requisition for final title (R/T);
- (ii) to sign copies of plan and official searches;
- (iii) to collect land revenues (outdoor collection),
- (iv) to sign form 4A, 4B and 4C in respect of Temporary Occupation License and permit for Removal of Rock Material which have been approved by Land Administrator

# WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

31hb Dis. 2015]

1273

- (v) to attest instruments of dealings under Section 211 of the National Land Code;
- (vi) to register document of title; and
- (vii) other duties directed by Land Administrator and State Director.

## SCHEDULE

### ASSISTANT LAND OFFICER

(1) Name	(2) Post	(3) Date of Appointment
Muhammad Nor bin Embong	Assistant Land Administrator of Hulu Terengganu	1.10.2015
Ambok bin Sidek	Assistant Land Administrator of Hulu Terengganu	1.10.2015
Zamzuri bin Zainuddin	Assistant Land Administrator of Hulu Terengganu	1.10.2015

Dated 6 December 2015  
[PTG. Tr. 00/02/1998/2E/03;  
PUN. Tr. 70/1 Jld. 4 (54)]

ZULKIFLI BIN ALI  
*Secretary of the State Executive Council  
of Terengganu*

### No. 1314.

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] dan diwakilkan kepadanya menurut *Warta Kerajaan Negeri Terengganu* No. 872 bertarikh 18 Disember 1980, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual A untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3) bersetentangan dengan nama mereka masing-masing.

2. Tugas orang yang dilantik untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual A adalah menandatangani carian rasmi, salinan hakmilik, salinan surat cara dan salinan surat pendaftaran lai-lain sahaja.

### Pembatalan Pelantikan

3. Pelantikan orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual B untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Terengganu* yang dinyatakan dalam ruang (3) dibatalkan mulai tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengan namanya dalam ruang (4).

# WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

1274

[31hb Dis. 2015]

## JADUAL A

(1) Nama	(2) Jawatan	(3) Tarikh Pelantikan
Nor' Aini binti Mohamad	Penolong Pentadbir Tanah Setiu	7.9.2015

## JADUAL B

(1) Nama	(2) Jawatan	(3) Warta	(4) Tarikh Pembatalan
Rosli bin Latif	Ketua Penolong Pengarah Tanah dan Galian Terengganu, Timbalan Pendaftar Hakmilik Terengganu dan Penolong Pentadbir Tanah Besut, Dungun, Hulu Terengganu, Kemaman, Kuala Terengganu, Marang dan Setiu	No. 70 bertarikh 29.1.2015	1.1.2015

Bertarikh 6 Disember 2015  
[PTG. Tr. 00/02/2009/01/02;  
PUN. Tr. 70 / 1 Jld.4 (48)]

ZULKIFLI BIN ALI  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Terengganu*

In exercise of the powers conferred upon the State Authority under paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [Act 56/1965] and delegated to him vide Terengganu Government Gazette No. 872 dated 18 December 1980, the State Secretary of Terengganu has appointed the persons named in column (1) of Schedule A to hold the post as specified in column (2) of the Schedules with effect from the dates mentioned in column (3) against their names respectively.

2. The duty of the person appointed to hold the post specified in column (2) of Schedule is to sign the official searchers, copy of titles, copy of instruments and other copy of registrations letter.

Revocation of appointment

3. The appointment of the persons named in column (1) of Schedule B to hold the post as specified in column (2) of the Schedule as published in the Terengganu Government Gazette specified againsts their names in column (4).

# WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

31hb Dis. 2015]

1275

## SCHEDULE A

### ASISSTANT LAND OFFICER

(1) Name	(2) Post	(3) Date of Appointment
Nor' Aini binti Mohamad	Assistant Land Administrator of Setiu	7.9.2015

## SCHEDULE B

(1) Name	(2) Post	(3) <i>Gazette</i>	(4) Date of Revocation
Rosli bin Latif	Chief Deputy Director of Land and Mines of Terengganu, Deputy Registrar of Title of Terengganu and Assistant Land Administrator of Besut, Dungun, Hulu Terengganu, Kemaman, Kuala Terengganu, Marang and setiu	No. 70 dated 29.1.2015	1.1.2015

Bertarikh 6 December 2015  
[PTG. Tr. 00/02/2009/01/01;  
PUN. Tr. 70 / 1 / Jilid.4 (48)]

ZULKIFLI BIN ALI  
*Secretary of the State Executive Council  
Terengganu*

## No. 1315.

### PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

### RESERVATION LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas pelan yang diperakui No. PA 223578 Lembar Piawai 19-D yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Tapak Jeti Pelancongan Merang dan telah menetapkan bahawa Pegawai Daerah, Setiu atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab itu.

### JADUAL

Daerah—Setiu. Mukim—Merang. Kawasan—Merang. No. Pelan—PA 223578. Lembar Piawai—19-D. No. Lot—60995. Luas—11054 meter persegi.

# WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

1276

[31hb Dis. 2015]

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority of Terengganu Darul Iman has reserved the land described in the Schedule and delineated upon Certified Plan No. CP 223578 Sheet No. 19-D deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a site for Merang Pier tourism and has designated that the District Officer of Setiu his successors in office shall maintain the reserved land.

## SCHEDULE

District—Setiu. Mukim—Merang. Locality—Merang Plan No.—CP 223578. Sheet No.—19-D. Lot No.—60995. Area—11054 square metres.

Bertarikh 6 Disember 2015

ZULKIFLI BIN ALI

Dated 6 December 2015

*Setiausaha*

[PTG. Tr. 07/62/2006/G/0026;

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*

PTS. 05/66/2015/0002;

*Terengganu/*

PUN. Tr. 70/1 Jld. 4 (50)]

*Secretary of the State Executive Council*

*of Terengganu*

## No. 1316.

(Seksyen 168)

## HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu Zuraimi binti Zainuddin K/P. 621212-08-5336 yang beralamat di No. 130 G, Lorong 2, Jalan Kenanga Sura Tengah, 23000 Dungun, Terengganu telah membuat akuan bahawa hakmilik yang dikeluarkan sebagaimana Jadual di bawah telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Sura. No. Lot—11939. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 16845. Luas—600 meter persegi.

Bertarikh 26 November 2015

RUSNI BINTI RUSDI

[PTG. Tr. 02/55/2015/B/003]

*Pendaftar Hakmilik*

*Terengganu*

# WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

31hb Dis. 2015]

1277

## No. 1317.

(Seksyen 168)

### HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu Ruzaizmah binti Musa K/P. 710220-05-5000 seorang Penolong Pegawai Tadbir (Kanan) Pembiayaan Perniagaan MARA Negeri Terengganu beralamat Pejabat MARA Negeri Terengganu, Bangunan KWSP, Jalan Kemajuan, Padang Hiliran, 21100 Kuala Terengganu telah membuat akuan bahawa hakmilik yang dikeluarkan sebagaimana Jadual di bawah telah hilang/ rosak.

#### JADUAL

Mukim—Hulu Paka. No. Lot—573. Jenis dan No. Hakmilik—HSD 1250. Luas— 650 meter persegi.

Bertarikh 3 Disember 2015  
[PTG. Tr. 02/55/2015/B/004]

RUSNI BINTI RUSDI  
*Pendaftar Hakmilik  
Terengganu*

## No. 1318.

(Seksyen 168)

### NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Kegagalan Hasnan bin Mohamad K/P. 601128-11-5397 mematuhi Seksyen 15 KTN mengemukakan dokumen hakmilik keluaran dalam tempoh yang ditetapkan bagi maksud melaksanakan Perintah oleh Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Terengganu saman Pemula No: 24 NCVC-61-07/ TAHUN 2014

#### JADUAL

Bandar—Kuala Terengganu. No. Lot—3863. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 20299. Luas— 136 meter persegi.

Bertarikh 3 Disember 2015  
[PTG. Tr. 05/55/2015/B/021]

MOHD JAMEL AZIZ BIN MOHD JIDIN  
*Pendaftar Hakmilik  
Terengganu.*

# WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

1278

[31hb Dis. 2015]

## No. 1319.

(Seksyen 168)

### NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu satu permohonan yang dibuat oleh Mohd Ismail bin Norbat K/P 640414-11-5373

#### JADUAL

Mukim—Kampung Raja. No. Lot—610. Perihal dan No. Hakmilik—G.M. 2147. Luas—1.1582 hektar.

Bertarikh 24 November 2015  
[PTB. 05/55/2015/0008]

ABDUL MUTALIB BIN AB RAHMAN  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Besut*

## No. 1320.

(Seksyen 326)

### NOTIS MENGENAI NIAT MEMOTONG KAVEAT

Kepada Che Hussain bin Jusoh K/P 630704-03-5212 (7067252) yang beralamat di 52, Felda Seberang Taylor, 24000 Kemaman, Terengganu dan atas permintaannya Kaveat Sendirian No. 764/2012 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini..

Bawasanya kaveat di atas adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bawasanya Jusoh bin Embong K/P 290407-11-5078 (2782446) telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Ambil perhatian bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 326 Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintah oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Bukit Payung. No. Lot—51637. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 13255. Luas—0.255 hektar.

Bertarikh 8 Disember 2015  
[PTM. 00/54/2015/0004]

*Pentadbir Tanah  
Marang*

## WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

31hb Dis. 2015]

1279

No. 1321.

(Seksyen 254)

### NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAIN

Kepada Rozita binti Jusoh K/P 780619-11-5216 dan Mahzihar bin Mamat K/P 710930-03-5303 penggadai di bawah gadaian yang diterangkan dalam Jadual di bawah bagi tanah yang diterangkan.

Bahwasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan gagal membayar hutang Pinjaman Perumahan sebanyak RM63,429.16 setakat 20 Mac 2015 berserta faedah pada kadar 7.10% atau 0.25% melebihi Kadar Asas Pinjaman (Kadar Asas Pinjaman semasa adalah 6.85%) atau tertakluk kepada Kadar Asas Pinjaman bank semasa dikira atas dasar bulanan dan denda lewat bayar 1.00% keatas tunggakan-tunggakan ansuran yang tidak berbayar sehingga penyelesaian penuh sepertimana yang dikehendaki dalam perenggan 3 Lampiran Gadaian.

Dan bahwasanya pelanggaran itu telah berterusan bagi tempoh sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh notis itu disampaikan.

Kami sebagai Penerima Gadaian dengan kehendak-kehendak kuasa yang diberi oleh Seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penyampaian notis ini supaya memperbetulkan pelanggaran itu.

Dan sila ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memperbetulkan pelanggaran tersebut dalam tempoh itu, kami akan memohon untuk perintah jualan.

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kuala Paka. Daerah—Dungun. No. Lot/P.T.—7323. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 4884. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 163/2006; Bertarikh 25 Januari 2006

Bertarikh 26 Jun 2015  
[IHA/555-2077(HL)/  
2013/SH/Kirin]

MOHAMMAD KHASNIEDDY B. KHASIMI  
*Bank Simpanan Nasional*  
*Surat Kuasa Wakil*  
*Pejabat Tanah Dungun*  
*Perserahan No: 17/2011*

No. 1322.

(Seksyen 254)

### NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAIN

Kepada Mohd Anuar bin Ismail beralamat F-3, Rumah Murah Kijal, 24100 Kemaman, Terengganu Darul Iman. dan/atau Mohd Anuar Ismail beralamat No. 60179, Perumahan Permai Indah 6, Taman Bukit Kuang Sejahtera, 24000 Kemaman, Terengganu Darul Iman, penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah bagi tanah yang diperihalkan sedemikian.

# WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

1280

[31hb Dis. 2015]

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan gagal membayar kepada Penerima Gadaian berjumlah RM244,597.87 setakat 31 Mei 2015 walaupun beberapa peringatan dari Penerima Gadaian, Affin Islamic Bank Berhad (No. SYKT: 709506-V) yang beralamat di Tingkat 7, Menara Affin, No. 80, Jalan Raja Chulan, 50250 Kuala Lumpur.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulam sebelum tarikh notis ini.

Kami sebagai Pemegang Gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu\_supaya memulihkan perlanggaran itu dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan perlanggaran itu dalam tempoh tersebut, kami akan memohon suatu perintah jualan.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Teluk Kalung. Daerah—Kemaman. No. Lot—60179. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 4234. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1415/2013; Bertarikh 8 April 2013

Bertarikh 31 Julai 2015  
[RMNM/ABB/10724/14/Wan]

AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD  
No. Syarikat: 709506-V  
Tandatangan (atau lain-lain cara penyempurnaan oleh atau bagi Pihak Pemegang Gadaian oleh Pewakilnya)

Hak Cipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA TERENGGANU  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA